



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (20 OKTOBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **satu (1) kes** positif COVID-19 dikesan di Daerah Kuching. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 769 kes.**

A. Kes COVID-19 Baharu yang dikesan. (Kes 769 : Kes Import A)

Kes Ke-769 ini merupakan seorang wanita warganegara Indonesia yang tiba dari Kalimantan Barat, Indonesia melalui kebenaran di bawah Pendekatan Pelancongan Perubatan (*Medical Tourism*). Kes ini mendapat kebenaran masuk ke Sarawak sebagai pengiring kepada seorang pesakit barah yang perlu mendapat rawatan lanjut di sebuah hospital swasta di Kuching. Mereka telah masuk melalui pintu masuk persempadanan darat di ICQS Tebedu, Serian dan telah dibawa serta diuruskan oleh hospital swasta tersebut.

Kedua-kedua individu ini telah memasuki Sarawak pada 19 Oktober 2020 dan telah menjalani ujian saringan COVID-19 pada hari yang sama. Mereka juga telah ditempatkan dibawah arahan kuarantin di hospital yang akan merawat pesakit barah tersebut. Keputusan ujian saringan yang telah dijalankan di makmal swasta di Kuching telah mendapati kes ini positif COVID-19 pada hari yang sama. Pesakit yang akan dirawat pula didapati negatif ujian saringan COVID-19.

Kes tidak menunjukkan tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kes telah dirujuk dan telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

B. Kluster COVID-19 yang masih aktif.

Hari ini, tiada kluster baharu yang telah dikesan. Walau bagaimanapun terdapat dua (2) kluster yang masih aktif di Sarawak. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

i) Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai dua belas (12) orang termasuk kes indeks.

Sehingga 20 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari sejumlah 40 individu telah disaring, dimana:

- Dua belas (12) kes dikesan positif COVID-19 di mana lapan (8) kes telah dikesan melalui saringan kali kedua pada hari ke-10 dan
- 28 individu negatif.

ii) Kluster Putra di Daerah Bintulu.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai enam (6) orang termasuk kes indeks. Satu (1) kes positif COVID-19 telah dikesan dan didaftarkan di Negeri Selangor.

Sehingga 20 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, sejumlah 190 individu telah disaring, dimana:

- Enam (6) kes dikesan positif COVID-19 dan
- 183 individu negatif;

Seramai 79 individu telah disaring untuk kali kedua (Hari Ke-10) di mana kesemua 79 individu tersebut telah didapati negatif.

C. Status Kes COVID-19 di dalam wad Pengasingan Hospital.

Dimaklumkan juga bahawa **terdapat dua (2)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Kedua-dua kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj ini adalah dari Hospital Umum Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah seramai **705** orang atau **91.68%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **45** orang iaitu 31 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak, tujuh(7) kes di Hospital Miri dan tujuh (7) kes Hospital Bintulu.

Tiada kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.47%**.

Hari ini **24 PUI** baru telah dilaporkan dan **empat (4)** kes PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Hari ini, **Daerah Sibuloh telah bertukar status daripada status Kuning kepada Status Hijau setelah tiada kes jangkitan tempatan dilaporkan di dalam daerah ini dalam tempoh 14 hari yang lepas.**

Daerah Kuching, Bintulu dan Lubok Antu kekal berstatus Kuning dan dengan jumlah keseluruhan seramai 21 kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Jumlah daerah yang masih berstatus Kuning tiga (3) buah daerah dan 37 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN / AMARAN / SITAAN

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan **22 kompaun** di Daerah Kuching (14), Miri (7) dan dan Sarikei (1).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **67 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan DBKU (15), SMC (15), MD Marudi (10), BDA (5), MDMD (5), MD Kapit (5), MB Miri (5), MBKS (4), MPKS (2) dan MD Sarikei (1).

3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

Hari ini sebanyak **1,429 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (210), Restoran (267), Kilang (7), Bank (107), Pejabat Kerajaan (43), Penjaja (32), Pasar Tani/Awam (47), Tempat Ibadah (53), Tempat Riadah (35), Tapak Pembinaan (13) dan lain-lain (615).

Seramai **551 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (271), ATM (34), RELA (130), APM (83), PBT (31) dan KKM (2).

4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **8 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah iaitu di Lundu (2), Lawas (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,431** jumlah kenderaan telah diperiksa.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
20 OKTOBER 2020
5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	768	Kes sedang dirawat di hospital	45	5.85%
Kes Baharu	1	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	131,322	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	769	Jumlah kes kematian	19	2.47%
IR per 100,000 penduduk	24.93	Kes telah sembuh dan discaj	705	91.68%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	21	9,150	24	9,923
Menunggu keputusan	4	4		

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	31	0	7	7	0	45
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	2	0	0	0	2
	Kumulatif	589	39	39	36	705
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)	9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (3)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lubok Antu	0	28	0	3	0	0	0	0	3	3	1
2	Kuching	21	6,568	1	467	2	429	0	12	26	29	15
3	Bintulu	0	310	0	46	0	39	0	0	7	7	5
Jumlah		21	6,906	1	516	2	468	0	12	36	39	21

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (37)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Sibu	0	116	0	15	0	15	0	0	0	0	0
2	Lawas	0	20	0	4	0	4	0	0	0	0	0
3	Serian	0	314	0	24	0	24	0	0	0	0	0
4	Lundu	2	255	0	3	0	3	0	0	0	0	0
5	Bau	0	178	0	7	0	6	0	0	1	1	0
6	Samarahan	0	570	0	113	0	108	0	4	1	1	0
7	Simunjan	0	62	0	8	0	8	0	0	0	0	0
8	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
9	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
10	Limbang	0	32	0	10	0	8	0	1	1	1	0
11	Miri	0	843	0	31	0	24	0	1	6	4	0
12	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
13	Sri Aman	0	54	0	4	0	3	0	1	0	1	0
14	Betong	1	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
15	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
18	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	1	0
30	Kapit	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		3	3,017	0	253	0	237	0	7	9	9	0

Jumlah Besar	24	9,923	1	769	2	705	0	19	45	48	21
---------------------	-----------	--------------	----------	------------	----------	------------	----------	-----------	-----------	-----------	-----------

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **142** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **22 buah hotel** adalah seramai **1,677 orang**. Manakala seramai **27,288 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 20.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (754)	Hock Lee	108
2		Kuching Park	7
3		Hilton	200
4		Harbour View	184
5		Riverside (Astana Wing)	164
6		Tune Hotel	60
7		Dormani Hotel	31
8	Miri (532)	Mega Hotel	83
9		Imperial Palace	29
10		Eastwood Valley	59
11		Meritz	176
12		Miri	33
13		Dynasty	109
14		Citi Hotel	43
15	Bintulu (78)	Wasan Inn	27
16		Motel Kapok	22
17		Faber Inn	29
18	Limbang (181)	Purnama	103
19		Seri Malaysia (Lawas)	46
20		Shangshan (Lawas)	21
21		Mandarin (Lawas)	11
22	Sibu (132)	Premier	132
Jumlah PUS			1,677

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **6 lokasi di Kuching (5), dan Miri (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,799 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 20.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	5	583
2	Miri	1	333
3	Sibu	TIADA	179
4	Samarahan	TIADA	122
5	Bintulu	TIADA	115
6	Sarikei	TIADA	112
7	Limbang	TIADA	84
8	Serian	TIADA	67
9	Betong	TIADA	56
10	Kapit	TIADA	51
11	Sri Aman	TIADA	49
12	Mukah	TIADA	48
Jumlah Keseluruhan			1,799

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **62 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 20.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	DBKU	8
2	MP Padawan	3
3	MD Serian	3
4	MP Sri Aman	4
5	MP Sibu	9
6	BDA	6
7	MDMD	4
8	MCC	13
9	MD Marudi	5
10	MD Lawas	7
Jumlah		62